



22 Disember 2021
22 December 2021
P.U. (B) 678

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH
BAGI MAKSUD AWAM

*NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION
OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Perizaban Tanah bagi Maksud Awam [*P.U. (B) 609/2011*] yang disiarkan dalam *Warta* Persekutuan pada 27 Disember 2011, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan telah merizabkan tanah Persekutuan yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk tempat letak kereta dan telah menetapkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Kanun Tanah Negara) 2009 [*P.U. (A) 454/2009*] dan diwakilkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Perwakilan Kuasa di bawah Seksyen 13 [*P.U. (B) 242/2010*], Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan memberikan notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan siasatan oleh Pendaftar Hakmilik Tanah Wilayah Persekutuan Labuan berhubung dengan cadangan pembatalan itu akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan, Tingkat 1, E003, Podium Level, Kompleks Ujana Kewangan, Peti Surat 80693, Jalan Merdeka, 87016 Wilayah Persekutuan Labuan mulai pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari pada 11 Januari 2022 dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap cadangan pembatalan itu boleh hadir ke siasatan itu.